Nama	Kelas	Tarikh

UNIT 1 Nombor Bulat hingga 7 Digit

Arahan: *Jawab* **semua** *soalan*.

1 Tulis 2 030 801 dalam perkataan.

2 Tulis 7 510 000 dalam unit juta.

3 Nyatakan 4 250 000 dalam unit juta yang melibatkan pecahan.

4 Cerakinkan 5 610 308 mengikut nilai digit.

5 | 3 607 025, 3 075 602, 3 007 652, 3 762 050 |

Susun nombor-nombor di atas dalam tertib menurun.

6 Apakah nilai tempat bagi digit 6 dalam nombor 2 364 587?

7 Lengkapkan:

1 708 632 = 700 000 + 30 + 600 + 1 000 000 + 2 + ☐

8 Bundarkan 8 356 721 kepada ratus ribu yang terdekat.

9 Rajah di bawah menunjukkan satu garis nombor.

Apakah nilai X?

10 Diberi $480 + P \div 5 = 500$. Cari nilai P.

11 $36\,207 - 926 \times 9 =$

12 $(1212 \div 6) + (1610 \div 14) =$

13 2715 biji guli dimasukkan sama banyak ke dalam 15 buah bekas. Berapakah bilangan guli di dalam 7 buah bekas itu?

14 Rajah di bawah menunjukkan bilangan limau dan epal di dalam dua buah kotak.



Encik Singam membeli 12 kotak limau dan 8 kotak epal itu. Berapakah jumlah buah-buahan yang dibelinya?

15 Cikgu Faisal membeli 10 dozen pensel untuk dibahagikan sama banyak kepada 28 orang murid lelaki dan 32 orang murid perempuan. Berapa batang penselkah yang diterima oleh setiap murid itu?

16 Berapakah yang perlu ditambah kepada hasil darab 123 dengan 38 supaya menjadi 10 ribu?

17 Sebanyak 3 buah bas disewa bagi membawa 132 orang murid dalam suatu lawatan. Berapa buah bas perlu disewa untuk membawa 220 orang murid?

18 Rajah di bawah menunjukkan harga telur ayam.

Puan Zaleha mempunyai RM11. Berapa biji telur ayam yang dapat dibelinya?

19 Rajah di bawah menunjukkan bilangan manggis yang dikumpulkan oleh Pak Husin.

Pada hari pertama, Pak Husin menjual 245 biji manggis. Pada hari kedua, bilangan manggis yang dijual melebihi hari pertama sebanyak 90 biji. Berapakah baki manggis itu?

20 Maliza ada 280 keping setem. Bilangan setem Aina adalah tiga kali bilangan setem Maliza. Hayati pula ada 75 keping setem kurang daripada Aina. Hitung jumlah setem mereka bertiga.